

07 NOV 2000

Putrajaya-Urutan Peristiwa

URUTAN PERISTIWA PENTING MENGENAI PUTRAJAYA

Oleh: Mohd Nizam Yatim

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Penandatanganan satu perjanjian hari ini untuk menjadikan kawasan Putrajaya seluas 4,931 hektar sebagai Wilayah Persekutuan menandakan satu lagi peristiwa penting di dalam pembangunannya.

Berikut adalah urutan peristiwa penting mengenai Putrajaya ketika ia membangun menjadi wilayah persekutuan ketiga di negara ini selepas Kuala Lumpur dan Labuan.

Pertengahan tahun 1980-an : Idea untuk mewujudkan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang pertama di luar dari Kuala Lumpur dibangkitkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Beberapa tapak dikenal pasti dan lima tapak disenaraikan.

2 Jun, 1993 : Kabinet meluluskan Prang Besar di Sepang sebagai tapak bagi pembangunan pusat pentadbiran baru Kerajaan Persekutuan.

Disember, 1993 : Kerajaan melantik enam perunding tempatan bersama-sama dengan Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan Jabatan Kerja Raya untuk menyiapkan pelan pembangunan bagi pusat pentadbiran baru Kerajaan Persekutuan.

22 Feb, 1994: Kabinet meluluskan pelan induk pusat pentadbiran baru Kerajaan Persekutuan.

12 Okt, 1994: Kabinet memutuskan untuk mengubah nama Prang Besar kepada Putrajaya sebagai menghormati Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

20 Julai, 1995: Satu perjanjian dicapai untuk membolehkan Kerajaan Persekutuan mengambil alih mana-mana fungsi Kerajaan Negeri Selangor berhubung Putrajaya, termasuk menubuhkan sebuah badan untuk mentadbir dan menguruskan Putrajaya bagi pihak Kerajaan Persekutuan.

19 Okt, 1995: Putrajaya Holdings Sdn Bhd secara rasminya diperbadankan. Syarikat itu akan bertindak sebagai pemaju dan pembiaya projek berkenaan.

21 Jun, 1999: Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan rasmi memulakan tugas di pejabat barunya di Putrajaya.

23 Jun, 1999: Mesyuarat Kabinet yang pertama di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya diadakan dengan dipengerusikan oleh Perdana Menteri.

6 Julai, 1999: Masjid Putra, Taman Wetland and Dataran Putra dibuka untuk lawatan orang ramai dari pukul 9 pagi hingga 5 petang setiap hari.

13 Julai, 1999: Yang di-Pertuan Agong ke-11, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah berkenan berangkat melawat ke Putrajaya.

19 Okt, 2000: Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan bahawa Kabinet dalam mesyuaratnya bersetuju menjadikan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan.

23 Okt, 2000: Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan cadangan menjadikan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan, tidak membabitkan Cyberjaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA).

7 Nov, 2000: Surat perjanjian untuk menjadikan kawasan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah bagi pihak Kerajaan Persekutuan manakala Kerajaan Negeri Selangor diwakili pemangku Raja Selangor Raja Idris Shah.

-- BERNAMA

NY AZZ AKD